

30 NOV 97

HUBUNGAN KEKELUARGAAN PERLU DIERATKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hubungan sesama keluarga dapat dieratkan dengan menyertai program seperti Hari Keluarga.

Katanya, program kekeluargaan sedemikian akan membawa manfaat melalui pertemuan keluarga dan sahabat di kalangan kakitangan sesebuah jabatan.

"Melalui perjumpaan ibubapa, anak-anak dan kawan-kawan begini dapat membangunkan keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM)," katanya ketika merasmikan Hari Keluarga JPM di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di JPM Datuk Abang Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir dan orang kenamaan berkenaan turut menyertai pertandingan membuat sandwic, yang dimenangi Dr Mahathir sendiri dengan 'Sandwic Perdana'. -- BERNAMA

RAZ AKD